

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas 2 Pengurusan Ladang 8885/2 ini mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Masa yang diperuntukkan untuk menjawab ialah satu jam tiga puluh minit. bahagian A mengandungi 8 soalan dan bahagian B mengandungi 2 soalan. Calon dikehendaki menjawab semua soalan di atas ruang yang disediakan pada kertas soalan. Wajaran markah untuk bahagian A ialah dua puluh lima manakala wajaran markah bagi bahagian B ialah dua puluh lima. Dengan itu, jumlah markah keseluruhan adalah lima puluh.

PRESTASI KESELURUHAN

Secara keseluruhan, prestasi calon adalah pada tahap memuaskan. Tidak ramai calon menunjukkan prestasi yang cemerlang. Majoriti calon menunjukkan prestasi yang sederhana.

Terdapat sebilangan kecil dari calon yang menunjukkan prestasi yang lemah dimana gagal memberikan jawapan seperti yang dikehendaki oleh peraturan pemarkahan. Calon dalam kumpulan ini juga lemah penguasaannya dalam matematik. Soalan yang dikemukakan adalah sempurna, jelas dan menepati kehendak sukatan pelajaran yang tidak memberi kesan sampingan terhadap prestasi calon.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Kebanyakan calon menjawab menepati kehendak soalan. Sebahagian kecil sahaja daripada calon membuat kesilapan kecil. Calon memahami kehendak soalan dengan baik.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Calon memahami kehendak soalan. Mutu jawapan adalah sederhana. Sebahagian sahaja menjawab dengan tepat. Kebanyakan calon tidak dapat menunjukkan jalan kerja dan kaedah dengan tepat.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Calon masih memahami sebagian besar kehendak soalan. Mutu jawapannya sangat rendah. Calon tidak faham sesetengah bahagian soalan. Oleh itu jawapan yang diberikan adalah terpesong dari kehendak soalan. Jawapan calon sangat lemah bagi tajuk tertentu. Susunan jawapan calon tidak memuaskan. Mereka tidak menguasai konsep dan rumus yang diperlukan dalam mengurus sesuatu projek pertanian. Penggunaannya adalah salah kerana kemahiran asas pengiraan sangat lemah.

PRESTASI TERPERINCI

Bahagian A

Soalan 1

Prestasi calon adalah memuaskan. Calon yang baik dan sederhana dapat menjawab dengan baik. Calon yang lemah gagal menganalisis data dari jadual 1 yang diberikan dan seterusnya gagal mengira pendapatan buruh A. Calon yang lemah juga gagal memberi alasan yang tepat berdasarkan data dari jadual 1 yang dikemukakan. Calon diminta menganalisa data tiga kategori buruh dan memberi alasan yang musabab apakah tindakan yang wajar diambil keatas Buruh B berdasarkan produktiviti kerja.

Soalan 2

Prestasi calon adalah memuaskan. Calon yang baik dan sederhana dapat mengira bilangan lubang penanaman yang diperlukan bagi keluasan 10 hektar. Calon yang lemah gagal mengingat formula mengira bilangan lubang bagi sehektar dan kesilapan yang sering dilakukan adalah terlepas pandang mengambil kira penambahan pembelian bagi anak benih yang mati dan keluasan kawasan penanaman yang berbeza. Calon juga gagal bundarkan angka bagi bilangan lubang penanaman. Calon diminta menghitung bilangan lubang penanaman dan jumlah kos anak benih pisang untuk keluasan 10 hektar dengan mengambil kira bilangan anak benih yang mati di ladang.

Soalan 3

Prestasi calon adalah memuaskan. Calon yang baik dapat mengira margin kasar kacang panjang berdasarkan carta bar dari rajah. Calon yang sederhana dan lemah gagal menganalisis carta bar pendapatan kasar dan kos pembolehubah bagi tanaman kacang panjang dan tanaman cili dan apabila masalah ini timbul calon sukar membuat keputusan berdasarkan kiraan margin kasar yang diperolehi. Calon yang lemah gagal melihat penunjuk dalam graf carta bar. Calon diminta menghitung margin kasar tanaman kacang panjang dan membuat keputusan tanaman yang ingin diusahakan berdasarkan margin kasar yang diperolehi.

Soalan 4

Prestasi calon adalah memuaskan. Majoriti calon dapat menentukan dan menghitung Jumlah Keluaran, Keluaran Purata dan Keluaran Marginal dengan tepat berdasarkan data di jadual 2 yang diberikan. Sebahagian kecil calon yang lemah tidak dapat menghitung Jumlah Keluaran, Keluaran Purata dan Keluaran Marginal. Kelemahan ketara Jawapan R : tidak ada tanda negatif dan gagal menyatakan kuantiti Input yang berada pada tahap pengeluaran rasional. Calon diminta menghitung Jumlah Keluaran, Keluaran Purata dan Keluaran Marginal bagi sejenis tanaman dengan melihat hubungan kuantiti penggunaan baja yang diberikan dan menyatakan kuantiti penggunaan baja pada tahap pengeluaran rasional.

Soalan 5

Prestasi calon adalah amat tidak memuaskan. Segelintir calon sahaja dapat mencatatkan urusaniaga ke jurnal jualan. Majoriti calon gagal mencatat urusaniaga ke jurnal jualan. Calon tidak mahir merekod dalam jurnal jualan. Majoriti calon gagal merekod butiran invoice ke dalam ruangan yang sepatutnya. Calon diminta merekod urusaniaga ke dalam Jurnal Jualan.

Soalan 6

Prestasi calon adalah amat memuaskan. Majoriti calon berkebolehan memberikan jawapan yang tepat dengan menyatakan masalah pemasaran dari Rajah 2 yang diberikan dan dapat mengemukakan cadangan bagi masalah pemasaran yang telah dikenalpasti. Calon diminta mengenal pasti masalah pemasaran pekebun kelapa sawit di satu lokasi pendalaman dan mengemukakan tindakan bagi mengatasi masalah pemasaran yang telah dikenal pasti.

Soalan 7

Prestasi calon adalah amat memuaskan. Majoriti calon berkebolehan memberikan jawapan yang tepat dengan menyatakan tindakan bagi mengatasi masalah pemasaran dari Rajah 3 yang diberikan. Calon diminta mengenal pasti masalah dua penjual mempalam di satu tempat dengan menganalisis situasi pemasaran yang dilakarkan pada rajah 3. Calon diminta mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh dua penjual mempalam di satu tempat dan mengemukakan tindakan yang positif yang perlu diambil oleh penjual B bagi meningkatkan jualan mempalamnya.

Soalan 8

Prestasi calon adalah amat memuaskan. Majoriti calon berkebolehan memberikan jawapan yang tepat dengan mengkategorikan dokumen perniagaan diruangan yang disediakan. Segelintir calon keliru penggunaan dokumen perniagaan yang dikemukakan ini. Calon diminta mengkategorikan beberapa dokumen perniagaan diruang sebelum belian dan selepas belian.

Bahagian B

Soalan 1(a)

Prestasi calon adalah memuaskan. Majoriti calon berkebolehan memberikan jawapan yang tepat dengan mengkategorikan kos tetap dan kos pembolehubah. Segelintir calon keliru dengan mencampur adukkan butiran input tetap dan input berubah ke ruangan kos tetap dan kos pembolehubah. Calon diminta mengkategorikan kos tetap dan kos pembolehubah tanaman kacang panjang dan timun dengan tepat.

Soalan 1(b)

Prestasi calon adalah memuaskan. Majoriti calon berkebolehan memberikan jawapan yang tepat dengan mengira kos tetap tanaman kacang panjang. Segelintir calon keliru dengan mencampur adukkan butiran input berubah ke ruangan kos tetap dan mencampur adukkan butiran input tetap ke ruangan kos pembolehubah. Calon diminta memahami konsep kos tetap dan diminta menghitung kos tetap tanaman kacang panjang dengan tepat.

Soalan 1(c)

Prestasi calon adalah sederhana. Majoriti calon gagal memberikan jawapan yang tepat dengan mengira kos pembolehubah tanaman kacang panjang dan timun dengan tepat. Segelintir calon keliru dengan mencampur adukkan butiran input tetap ke ruangan kos pembolehubah bagi tanaman kacang panjang dan timun dengan tepat. Calon diminta memahami konsep kos pembolehubah dan menghitung kos pembolehubah tanaman kacang panjang dan kos pembolehubah tanaman timun dengan tepat.

Soalan 1(d)

Prestasi calon adalah kurang memuaskan. Segelintir calon dapat memberikan jawapan yang tepat dengan mengira Jumlah kos pengeluaran, Pendapatan kasar dan Margin kasar bagi tanaman kacang panjang dan timun dengan tepat. Majoriti calon gagal memberikan jawapan yang tepat dengan mengira Jumlah kos pengeluaran, Pendapatan kasar dan Margin kasar bagi tanaman kacang panjang dan timun dengan tepat. Penggunaan yang salah dalam pengiraan pada soalan 1(b) dan 1(c) memberi kesan ke atas pengiraan Jumlah kos, Pendapatan kasar dan Margin kasar dengan tepat. Calon juga gagal dalam memahami konsep dan rumus berkaitan Jumlah kos pengeluaran, Pendapatan kasar dan Margin kasar. Calon diminta menghitung Jumlah kos pengeluaran, Pendapatan kasar dan Margin kasar bagi tanaman kacang panjang dan timun dengan tepat .

Soalan 1(e)

Prestasi calon adalah kurang memuaskan. Segelintir calon dapat membuat keputusan pemilihan tanaman yang menguntungkan untuk diusahakan. Calon diminta membuat keputusan memilih tanaman yang perlu diusahakan berdasarkan Margin kasar yang lebih tinggi.

Soalan 2(a)

Prestasi calon adalah sederhana. Sebahagian kecil calon berkebolehan merekodkan urusan ke dalam Buku Tunai. Majoriti calon berkebolehan merekodkan urusan ke dalam buku tunai tetapi majoriti calon gagal merekod urusan yang melibatkan Catatan kontra dan mengimbangkan Buku Tunai. Calon yang lemah ternyata gagal menguasai kehendak soalan. Calon diminta merekodkan urusan Syarikat Eksotika Flora Sdn. Bhd bagi bulan Jun 2002 dan mengimbangkan buku tunai pada akhir bulan Jun 2002.

Soalan 2(b)

Prestasi calon adalah sederhana. Sebahagian kecil calon berkebolehan menyatakan prinsip perakaunan yang digunakan bagi urusan ini. Majoriti calon berkebolehan merekodkan urusan Syarikat Eksotika Flora Sdn. Bhd bagi bulan Jun 2002. Calon dikehendaki memahami penggunaan prinsip catatan bergu.

Soalan 2(c)

Prestasi calon adalah baik. Majoriti calon berkebolehan menamakan penghutang kepada Syarikat Eksotika Flora Sdn. Bhd . Sebahagian kecil calon keliru konsep penghutang dalam urusan ini. Calon dikehendaki mengenali siapakah penghutang bagi urusan yang dilakukan oleh Syarikat Eksotika Flora Sdn. Bhd bagi bulan Jun 2002.

Soalan 2(d)

Prestasi calon adalah amat tidak memuaskan. Majoriti calon gagal memahami konsep ambilan tunai dalam urusan pada 18 Jun 2002. Calon dikehendaki menerangkan maksud ambilan tunai dalam urusan pada 18 Jun 2002.

SARANAN KEPADA CALON

1. Calon perlu memahami konsep dan terminologi asas dalam Pengurusan Ladang.
2. Rumus dan formula hendaklah dihafal dan dapat digunakan dengan tepat.
3. Calon perlu membuat banyak latihan termasuk membuat latihan 8885/2 yang lepas.
4. Calon perlu menguasai penggunaan kalkulator dengan baik.
5. Bagi kata tugas hitungan, calon perlu tunjukkan jalan kerja mengira.
6. Mahirkan prinsip catatan bergu dan asas perakaunan.
7. Jawab semua soalan walaupun kurang mahir dalam sesuatu tajuk.

SARANAN KEPADA GURU

1. Kuasai kandungan sukatan pelajaran Pengurusan Ladang dan pelbagaikan kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran.
2. Perlu memberi banyak latihan bagi topik berkaitan dengan penghitungan.
3. Perkukuhkan penguasaan konsep asas dalam pengurusan ladang.
4. Buat latihan topikal menggunakan soalan SPM kertas 8885/2 yang lepas.
5. Mendedahkan calon kepada teknik menjawab soalan dan peraturan pemarkahan.
6. Adakan ujian/peperiksaan sepeperiksaan kerap yang mungkin.
7. Kenal pasti kumpulan calon yang lemah dan beri bimbingan melalui kelas tambahan/bimbingan secara peribadi.
8. Dedahkan calon bagaimana merekod urusiaga yang berlaku di koperasi sekolah secara praktikal akan mengukuhkan kefahaman calon berkaitan prinsip catatan bergu, peraturan debit kredit dan bagaimana merekodkan urusiaga.
9. Rajin membaca bahan rujukan semasa dan mengikuti perkembangan teknologi semasa dalam Industri Pertanian.